



02 APR, 2026

Malaysia perlu bersedia kenaikan kos bahan api

Harian Metro, Malaysia



KRISIS ASIA BARAT

Malaysia perlu bersedia kenaikan kos bahan api

Putrajaya: Malaysia perlu bersedia untuk berdepan dengan kenaikan kos bahan api untuk menjana elektrik susulan situasi geopolitik di Asia Barat ketika ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga (ST), Siti Safinah Salleh berkata, ketika ini kira-kira 80 peratus daripada kos gas asli untuk penjanaan elektrik negara masih ditetapkan atau diikat kepada gas asli domestik.

Beliau berkata, sebanyak 20 peratus lagi diimport dari luar yang mendedahkan negara kepada harga pasaran dunia.

Justeru katanya, kos gas asli itu dilindungi daripada pasaran tenaga global yang kini terjejas akibat krisis yang sedang berlaku.

“Namun, masih ada kesan kerana ia masih diikat kepada harga rujukan pasaran (MRP).

“Jadi, akan tetap ada kesan terhadap harga tersebut, tetapi terdapat had siling. Had siling itu adalah lebih rendah daripada pendedahan yang akan berlaku berdasarkan harga pasaran global,” katanya pada sidang media Semakan Kawal Selia Tahunan Suruhanjaya Tenaga (ST), di sini, semalam.

Siti Safinah berkata, kebanyakan bekalan bahan api berkenaan dari Australia, bukan dari Asia Barat, dengan kontrak yang sudah dimuktamadkan.

Bagaimanapun, beliau berkata, dari segi kontrak biasa, ia juga diindeks kepada pasaran minyak.

Pada tahun lalu, sebanyak 33.5 peratus daripada penjanaan tenaga negara dihasilkan menggunakan gas asli.

Siti Safinah berkata, ST

20%

Jumlah import gas asli dari luar negara untuk jana elektrik negara

juga memantau peningkatan harga arang batu, yang digunakan untuk penjanaan sebanyak 58.5 peratus daripada bekalan tenaga negara.

Beliau berkata, seperti yang berlaku dalam situasi krisis sebelum ini terutama perang Ukraine-Rusia pada 2022, semua pihak beralih kepada arang batu, melonjakkan harga bahan api berkenaan.

“ST sudah mula melihat harga arang batu semakin meningkat. Tiada peningkatan mendadak, tetapi ia mulai meningkat.

“Seperti yang diketahui, kita 100 peratus mengimport arang batu untuk penjanaan tenaga.

“Walaupun memang ada beberapa langkah perlindungan, namun kita tetap perlu bersedia menghadapi peningkatan kos bahan api,” katanya.

Malaysia memperoleh kira-kira 65 peratus bekalan arang batu datang dari Indonesia, kira-kira 20 peratus dari Australia manakala lebihannya dari pelbagai negara lain.

Berikutan itu, ST menjangkakan pelarasan bahan api mula berlaku dalam masa terdekat, sebaik sahaja kos itu mula memasuki sistem.

Siti Safinah berkata, peningkatan kos bahan api dijangka akan mula diterjemahkan dalam sistem tenaga melalui mekanisme Automatic Fuel Adjustment (AFA).